



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: KOSMO	MUKA SURAT	: 39
TARIKH	: 4/10/2019		
JABATAN	: JPP		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Loji kumbahan Rm1.5 bilion kurangkan paras ammonia Sungai Langat CSTP Langat mula beroperasi

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KAJANG - Loji Rawatan Kumbahan Berpusat (CSTP) Langat yang dibangunkan MMC Corporation Bhd. Pembentukan Langat Sdn. Bhd. (MMC PLSB) telah mula merawat effluen kumbahan.

Ketua Pegawai Operasi MMC Corporation Bhd. (MMC), Mohd Razin Ghazali berkata, projek yang menelan belanja kira-kira Rm1.5 bilion yang dibina di atas tanah seluas 7.3 hektar itu berfungsi memproses air kumbahan atau effluen bagi penduduk

di sekitar Kajang dan Cheras.

Menurutnya, projek itu direka untuk mencapai kualiti air Kelas 1, khususnya dalam menguruskan paras ammonia di sepanjang Sungai Langat.

"Kini, CSTP akan memproses effluen dari 60,000 penduduk setera (PE) di sekitar Kajang dan Cheras secara berperingkat-peringkat dan mampu memproses effluen sehingga 920,000 PE pada masa hadapan. "Loji ini menggantikan 232 loji rawatan kumba-



MOHD. RAZIN

han kecil yang terdapat di sekitar Kajang dan Cheras yang uzur dan kurang efisien.

"Apabila siap sepenuhnya, rangkaian paip sejauh 105 kilometer di semua loji kecil akan ditutup," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian CSTP Langat di Sungai Balak di sini semalam. Mengulas lanjut, Mohd. Razin berkata, loji itu merupakan hasil inspirasi daripada Perkhidmatan

Pembetulan Metropolitan Tokyo di Jepun yang menyediakan kemudahan inovatif dan moden yang dilengkapi dengan inisiatif teknologi hijau.

"Loji ini mampu menghasilkan kualiti air terawat yang mematuhi piawaian Akta Kualiti Sekeliling 1974 (Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan 2009)," ujarnya.

CSTP mampu memproses air kumbahan meliputi kawasan seluas 77.6 kilometer persegi, termasuk Batu II Cheras, Cheras Jaya, Desa Baiduri dan Kajang 1 dan 3.

INFO

CSTP Langat

- Dibina dengan kos Rm1.5 bilion, terletak di Batu 13 Jalan Cheras, Kampung Simpang Balak, Kajang, Selangor
- Keluasan loji 7.3 hektar
- Mampu memproses effluen sehingga 920,000 PE atau pengguna sehingga 2035
- Memproses air kumbahan dari kawasan Cheras dan Kajang meliputi kawasan seluas 77.6 kilometer persegi, termasuk Batu II Cheras, Cheras Jaya, Desa Baiduri dan Kajang 1 dan 3
- Loji ini akan menggantikan 232 loji kumbahan konvensional sebelum ini
- CSTP Langat dilengkapi dengan kemudahan rekreasi dan utiliti awam antaranya 16 gelanggang badminton, dua gelanggang takraw, dua gelanggang bola keranjang, dua gelanggang futsal, taman permainan kanak-kanak dan dewan komuniti